

# Mahathir ketua misi dagang kita ke Eropah

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, akan mengetuai satu rombongan pelaburan ke beberapa negara Eropah dalam usaha menarik lebih banyak pelabur menanam modal di negara ini.

Dato Seri Dr. Mahathir memberitahu hari ini, beliau dan rombongan pelaburan seramai 18 orang itu, antaranya dari FIDA dan Bank Negara akan berlepas Ahad ini dan akan berada di luar negeri kira-kira dua minggu.

Rombongan pelaburan itu akan melawat Frankfurt (German Barat), Paris (Perancis), Copenhagen (Denmark) dan Birmingham (United Kingdom).

Menurut beliau, mereka akan mengadakan seminar pelaburan menerangkan tentang keadaan politik, keselamatan dan iklim pelaburan di negara ini kepada pelabur di negara yang akan dikunjungi.

Ramal pelabur di negara berkenaan masih belum dapat gambaran jelas tentang keadaan di negara ini dan dengan itu ragu-ragu untuk melabur, katanya.

Melalui seminar dan penerangan yang akan diberi nanti diharap mereka akan tertarik untuk datang ke negara ini.

"Saya yakin lawatan rombongan pelaburan ini akan dapat menyingkap semua salah-faham di kalangan pelabur asing di negara berkenaan," jelasnya.

## Menyingkap

Lawatan tersebut, katanya adalah yang pertama dalam beberapa siri lawatan yang akan diadakan dalam tahun ini.

Malaysia juga akan menghantar rombongan pelaburan ke Amerika Syarikat September depan dan Jepun dalam bulan November tahun ini.

Lawatan ke negara-negara Eropah Timur akan juga diadakan, jelasnya.

Ketika di Perancis, Timbalan Perdana Menteri akan juga menemui Menteri Perusahaan negara itu dan di Copenhagen dengan Menteri Luar Denmark.

Di Denmark, Dato Seri Dr. Mahathir akan menjadi tetamu khas negara tersebut.

Katanya, dari matlamat kira-kira \$3 billion pelaburan asing yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, pencapaiannya kurang dari separuh setakat ini.



**DR. MAHATHIR**